

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1989/90

Oktober/November 1989

SBU323 - Pendidikan dan Masyarakat

Masa: [3 jam]

Jawab TIGA soalan daripada soalan-soalan berikut. Markah untuk semua soalan adalah sama.

1. Selepas tahun 1950an persekolahan telah berkembang dengan pesatnya bukan saja di Malaysia tetapi di seluruh dunia. Di Malaysia, arah aliran ini boleh dilihat dengan bertambahnya belanjawan awam dan swasta untuk persekolahan, meningkatnya jumlah penduduk yang bersekolah dan terdapatnya lebih ramai orang yang dipersekolahkan dalam jangka masa yang lebih lama. Apakah yang telah mencetus perkembangan ini dan seterusnya apakah "krisis" yang melanda perkembangan ini?
[100 markah]
2. Bagaimanakah objektif perpaduan kaum telah dipadukan dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan di Malaysia? Apakah yang boleh diujarkan mengenai perkara ini dengan melihat isu-isu seperti penubuhan Universiti Merdeka dan permintaan untuk diiktirafkan sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (swasta atau "vernacular")?
[100 markah]
3. Konsep-konsep seperti Pendidikan Bersepadu, Pendidikan Berterusan, Pendidikan Sepanjang Umur, Latihan-Sambil-Bekerja, Latihan Semula dan Pendidikan Kemahiran Hidup merupakan setengah daripada tekanan-tekanan baru dalam perkembangan pendidikan. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep-konsep di atas dan bincangkan mengapa mereka wujud; terutama dalam konteks pembangunan perindustrian.
[100 markah]

[SBU 323]

4. Mengikut pendekatan konflik dalam teori pendidikan, persekolahan itu cuma melahir balik ("reproduce") kehendak serta keperluan masyarakat luar; terutama struktur ketidaksamaan. Bagaimanakah persekolahan itu mewujudkan ini? Apakah perubahan yang ditujukan dalam pendekatan ini untuk merubah peranan pendidikan dalam masyarakat? Beri contoh-contoh persekolahan alternatif masakini.

[100 markah]

5. Bagaimanakah pelaburan dalam modal manusia boleh menyumbang terhadap pembangunan ekonomi? Mengikut pengkritik-pengkritik teori "modal manusia" di atas, apakah fungsi persekolahan sebenar yang dikatakan mungkin mengakibatkan pengeluaran ekonomi yang tinggi?

[100 markah]

6. Jadual-jadual yang dilampirkan merupakan penemuan daripada kajian tinjauan yang dilakukan ke atas 50% dari siswazah setiap universiti di Malaysia pada tahun 1983. Jadual 1 menunjukkan Agihan Biasiswa Mengikut Bidang dan Kaum dan Jadual 2 menunjukkan Agihan Biasiswa Mengikut Jumlah Isi Rumah, Pendapatan Bulanan dan Kaum. Bincangkan penemuan-penemuan ini dengan melihat isu Dasar Ekonomi Baru dan Pendidikan serta isu Perancangan Gunatenaga dalam Pembangunan.

[100 markah]

Jadual 1
AGIHAN BIASISWA MENGIKUT BIDANG DAN KAUM

Bidang pengajian	Bil.	Jumlah		Melayu	Bahagian Kaum			
		%			Cina	India	Lain-lain	
1. Sastera, Kemanusiaan & Sains Sosial	388	22.7		78.9	14.2	3.6	3.3	
2. Sains Am	430	32.9		77.2	13.2	4.7	4.9	
3. Ekonomi & Pentadbiran Perniagaan	183	14.0		77.0	15.3	6.0	1.6	
4. Undang-undang	20	1.5		85.0	0	10.0	5.0	
5. Kedoktoran	48	3.7		93.3	10.4	0	6.3	
6. Sains Pertanian	89	6.8		73.0	16.9	1.1	9.0	
7. Seni Bina, Seni Ukir Perancangan Wilayah & Bandar	64	4.9		92.2	6.3	0	1.5	
8. Kejuruteraan	84	6.4		69.1	20.2	8.3	2.4	
9. Kes hilang	2	0.1						
JUMLAH								
	1-9	1,308	100.0					
Bukan-ikhtisas	1-3	1,001	76.6	77.9		22.1		
Ikhtisas	4-8	305	23.3	78.4		21.6		

Nota: * Kategori dipinda kerana dikurangkan

Sumber: Tinjauan Siswazah IPT 1983, dari Ozay Mehmet, Pagar Maken Padi, 1987, m.s. 121.

Jadual 2
AGIHAN BIASISWA MENGIKUT JUMLAH ISIRUMAH, PENDAPATAN BULANAN DAN KAUM

Jumlah Pendapatan Bulanan Isirumah(a)	Jumlah Biasiswazah		Bahagian Penduduk(a)	Melayu		Cina		India	
	Bilangan	%		Bahagian Biasiswazah	Bahagian Penduduk	Bahagian Biasiswazah	Bahagian Penduduk	Bahagian Biasiswazah	Bahagian Penduduk
0 - 300	153	12.3	49.4	14.2	63.2	3.4	26.0	9.5	39.7
301 - 500	377	30.3	22.1	32.5	19.0	20.7	26.2	26.4	29.4
501 - 1,000	394	31.7	18.2	30.1	12.9	41.0	17.7	39.6	21.7
1,000 +	317	25.5	10.3	22.9	4.9	34.0	20.1	24.5	10.4
Kes hilang	3	0.2		0.3					
JUMLAH	1,244	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0

Nota (a) Dari semua sumber, termasuk pengiriman wang dari ahli keluarga, anak-saudara, dan lain-lain pendapatan dari ladang, dividen, faedah, bunga, pencen dan sewa.

(b) Dari Banci Pertanian 1977, Lampiran Jadual 13

435

Sumber: Tinjauan Siswazah IPT 1983, dari Ozay Mehmet Pagar Maken Padi, 1987, m.s. 124.